



---

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 4 TAHUN 2016

**BORANG PENENTUAN PROJEK PERUNDINGAN  
HIGH/LOW RISK  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Pejabat Bendahari**  
14 Mac 2016

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan

# **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 6 (4)

14 MAC 2016

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL.4/2016**

### **BORANG PENENTUAN PROJEK PERUNDINGAN HIGH / LOW RISK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengenai penggunaan Borang Penentuan Projek Perundingan *High/Low Risk* yang akan digunakan bersama Garis Panduan Perundingan.
- 1.2 Garis Panduan Perundingan telah disediakan sebagai dokumen rujukan kepada Pejabat Penolong Naib Canselori (Jaringan Industri dan Masyarakat) (PPNC(JIM)), UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB) khasnya, Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Industri amnya dalam pengurusan dan pemantauan semua aktiviti perundingan di UTeM.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kerja-kerja Perundingan bukan sahaja dapat menjana kewangan tetapi apa yang lebih penting ialah dapat menjalinkan hubungan yang erat antara universiti dengan industri berserta kesefahaman yang boleh diwujudkan melalui hubungan kerjasama pintar kedua-dua pihak kerana misi UTeM telah tertulis iaitu menjadi “Perkongsian Pintar Universiti-Industri” salah satu daripadanya.
- 2.2 Perundingan ini jika diteliti merupakan kelebihan 2 hala kepada kedua-dua pihak kerana kita sebagai pakar dan sumber ilmiah akan sedaya upaya membantu industri yang sentiasa memerlukan kepakaran yang ada untuk

meningkatkan penggunaan teknologi terkini yang dapat membantu mereka (industri) bersaing dengan industri-industri yang lain.

- 2.3 Pekeliling Bendahari Bil. 3/2015 berkaitan Garis Panduan Perundingan Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah diedarkan untuk rujukan semua PTj pada 20 Oktober 2015. Garis Panduan Perundingan UTeM akan memberikan gambaran yang jelas kepada semua pihak yang terlibat dengan aktiviti perundingan di UTeM agar matlamat dan objektif program dicapai dengan jayanya.
- 2.4 Borang Penentuan Projek Perundingan *High/Low Risk* yang digunakan bersama Garis Panduan Perundingan telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penjanaan Pendapatan UTeM (JPPU) Bil. 5/2015 dan Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil.2/2016 yang diadakan pada 18 Februari 2016.

### **3.0 PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB**

Bagi melaksanakan sesuatu projek perundingan, pelbagai pihak yang terlibat perlu bekerjasama dengan berkesan dan memahami tanggungjawab masing-masing. Pihak tersebut adalah seperti berikut:

#### **3.1 Pejabat Bendahari:**

Pejabat Bendahari yang diketuai oleh Bendahari UTeM yang bertanggungjawab kepada Naib Canselor bagi menguruskan kewangan dan perakaunan Universiti termasuklah dana yang diperoleh dari aktiviti-aktiviti perundingan.

**3.2 Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) (PPNC(JIM))**

Merupakan pejabat yang bertanggungjawab dalam menyediakan dan menggubal Garis Panduan Perundingan bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) serta mengkaji, menambah baik, merekodkan dan memantau aktiviti penjanaan pendapatan UTeM melalui projek perundingan dapat dilaksanakan dengan sistematik, cekap dan produktif.

**3.3 UTeM Holdings Sdn. Bhd. (UHSB):**

UHSB bertindak sebagai ‘gateway’ bagi tujuan perkhidmatan perundingan di antara UTeM dengan industri, agensi kerajaan dan masyarakat luar dalam bidang-bidang kepentingan bersama. UHSB bertanggungjawab memastikan agar perkhidmatan tersebut dijalankan dengan cekap pada tahap profesional yang tinggi.

**3.4 Pusat Tanggungjawab (PTj):**

Pusat Tanggungjawab (PTj) merangkumi semua fakulti, pusat, institut dan pejabat di UTeM. Ketua PTj perlu memberikan kerjasama sepenuhnya kepada ketua projek dalam penyediaan/penggunaan kemudahan infrastruktur seperti ruang, kemudahan bangunan dan kenderaan bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan perundingan.

**3.5 Staf UTeM**

Semua staf UTeM merangkumi staf tetap, kontrak, sementara dan sambilan yang menjalankan Perkhidmatan Perundingan serta perlu mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua PTj. Staf Universiti yang terlibat sebagai Perunding akan diperuntukkan had masa yang tertentu setiap tahun yang ditentukan oleh Pihak Pengurusan Tertinggi Universiti untuk setiap kerja-kerja perundingan.

### **3.6 Individu Luar / Firma Perunding:**

Individu luar /Firma perunding boleh dilantik daripada luar UTeM apabila terdapat keperluan berdasarkan ketentuan berikut iaitu tiada kepakaran dalaman di UTeM berkaitan bidang/tugas tersebut dan telah mendapat kebenaran bertulis daripada majikan sebelum projek dimulakan.

### **3.7 Klien/Pelanggan:**

Orang perseorangan, agensi kerajaan dan badan berkanun, agensi swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), atau mana-mana organisasi sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang menerima perkhidmatan perundingan daripada Perunding UTeM.

## **4.0 KRITERIA PENENTUAN PROJEK PERUNDINGAN *HIGH / LOW RISK***

### **4.1 *Liability (Legal Issues):***

4.1.1 PNC (JIM) dilantik sebagai urusetia bagi projek-projek perundingan di UTeM. Merupakan pejabat yang bertanggungjawab untuk merekodkan dan memantau aktiviti penjanaan pendapatan UTeM melalui projek perundingan dapat dilaksanakan dengan sistematik, cekap dan produktif.

4.1.2 Borang Penentuan Projek Perundingan *High/Low Risk* ini akan menentukan sama ada projek adalah *low risk* (surat pelantikan atau pemantauan akan diuruskan oleh PNC (JIM)) atau projek perundingan yang mempunyai *high risk* akan diuruskan oleh UTeM Holding Sdn. Bhd.

#### **4.2 Management Of Account (Pengurusan Akaun)**

- 4.2.1 Pejabat Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) (PPNC(JIM)) adalah merupakan sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) yang bertindak sebagai penghubung antara akademia, industri dan masyarakat. Ia berperanan memupuk hubungan antara industri, masyarakat dan alumni UTeM, serta tidak termasuk dengan pengurusan projek perundingan.
- 4.2.2 Pengurusan/Penubuhan Tabung Amanah sementara bagi setiap projek perundingan adalah di bawah tanggungjawab PTj berkenaan. Ketua Projek adalah bertanggungjawap dalam pengurusan tabung kewangan ini (rujuk para 7.2 dalam Garis Panduan Perundingan iaitu Pekeliling Bendahari Bil. 3/2015).
- 4.2.3 Setiap ketua projek boleh memilih samada projek tersebut diuruskan oleh Universiti (PJIM) atau UTeM Holding Sdn. Bhd.

#### **4.3 Track Record**

- 4.3.1 Penentuan ini adalah untuk merujuk kepada kepakaran Ketua dan ahli kumpulan yang terlibat di dalam projek perundingan.

#### **4.4 Project Deliverable**

- 4.4.1 Penentuan ini adalah untuk menunjukkan kepakaran teknikal dan tempoh masa di dalam sesuatu projek tersebut terdapat di fakulti.

#### **4.5 Amount / Kadar Projek Perundingan:**

##### **4.5.1 Projek Low Risk**

- i. Untuk projek melebihi RM500,000 :

Pengesahan/Kelulusan oleh PNC(JIM) dan Naib Canselor.

ii. **Untuk projek kurang RM500,000:**

Pengesahan/Kelulusan oleh PNC (JIM).

#### **4.5.2 Projek High Risk**

Pengesahan/Kelulusan oleh UTeM Holding Sdn.Bhd.

### **5.0 LAIN-LAIN**

- 5.1 Melalui borang ini dapat membantu Ketua Projek membuat draf perjanjian projek.
- 5.2 Keutamaan projek hendaklah diberikan kepada *low risk (default condition is low risk)* untuk tujuan maklumat pelaporan MyRA dan penjanaan hasil Universiti.
- 5.3 Projek *high risk* yang diserahkan kepada UHSB, perlu diletakkan syarat dalam kontrak yang menyatakan UHSB perlu membuat pembayaran mengikut projek dan dibuat secepat mungkin selain syarat-syarat lain yang perlu.

### **6.0 PEMAKAIAN**

- 6.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa serta merta sehingga ia dibatalkan.
- 6.2 PTj juga hendaklah mematuhi segala peraturan yang digariskan dalam Garis Panduan Perundingan melalui Pekeliling Bendahari Bil.3/2015.

Sekian, terima kasih.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**KHAIRUL BIN TAIB**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

DAUPP/2016